



## Jadilah engkau di dunia seperti orang asing atau seorang pengembara

Daripada ‘Abdullāh bin ‘Umar رضي الله عنهما, beliau berkata: Rasulullah ﷺ memegang bahunya, lalu baginda bersabda: "Jadilah engkau di dunia seperti orang asing atau seorang pengembara." Ibn ‘Umar رضي الله عنهما berkata: "Apabila engkau berada pada waktu petang maka janganlah menunggu waktu pagi, dan apabila engkau berada pada waktu pagi maka janganlah menunggu waktu petang. Ambillah (manfaat) daripada masa sihatmu untuk (persiapan menghadapi) sakitmu dan daripada hidupmu untuk (persiapan menghadapi) matimu."

[صحيح] [رواه البخاري]

Ibn ‘Umar رضي الله عنهما menyebutkan bahawa Nabi صلى الله عليه وسلم memegang bahunya – iaitu (tulang) pertemuan antara lengan atas dan bahu – lalu bersabda kepadanya: Jadilah engkau di dunia seperti seorang asing yang datang ke sebuah negeri tanpa rumah untuk berteduh dan tanpa teman yang menghiburnya, tiada keluarga, anak-anak, dan segala keterikatan yang menjadi sebab lalai daripada Sang Pencipta. Bahkan jadilah engkau lebih daripada itu, iaitu seperti seorang pengembara yang hanya melewati jalan untuk menuju kampung halamannya. Seorang asing mungkin menetap di negeri asing dan tinggal di situ, sedangkan seorang pengembara yang menuju suatu negeri, sifatnya ringan beban dan tidak berhenti, serta bersungguh-sungguh mencapai destinasiya. Maka sebagaimana seorang musafir tidak memerlukan lebih daripada apa yang membantunya sampai ke tujuan perjalanannya, demikian pula seorang mukmin di dunia tidak memerlukan lebih daripada apa yang dapat membawanya sampai ke tempat kembali (akhirat)." Maka Ibn ‘Umar رضي الله عنهما mengamalkan nasihat ini dan beliau berkata: "Apabila engkau berada pada waktu pagi, janganlah menunggu waktu petang, dan apabila engkau berada pada waktu petang, janganlah menunggu waktu pagi. Anggaplah dirimu termasuk dalam kalangan penghuni kubur, kerana sesungguhnya umur itu tidak terlepas daripada sihat dan sakit. Maka segeralah pada hari-hari sihatmu dengan ketaatan sebagai persediaan untuk sakitmu dan rebutlah amalan-amalan soleh ketika sihat sebelum sakit menghalangmu daripadanya. Manfaatkanlah hidupmu di dunia ini, lalu kumpulkanlah padanya apa yang memberi manfaat kepadamu selepas kematianmu.

النجاة الخيرية  
ALNAJAT CHARITY

